



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

## **MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM 2014**

---

---

### **AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**(Akta 171)**

### **UNDANG-UNDANG KECIL KEDAI GUNTING RAMBUT DAN PENDANDAN RAMBUT (MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM) 2014**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Simpang Renggam membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

#### **Nama dan pemakaian**

1. (a) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (Majlis Daerah Simpang Renggam) 2014 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Simpang Renggam.

(b) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

## **Tafsiran**

2. Dalam Undang-undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain -

"dandan rambut" termasuk potong rambut, kerinting rambut, potong kemas, mencelup, mencukur, mensyampu dan tiap-tiap kerja seumpama itu yang biasanya dilakukan oleh seseorang pendandan rambut sama ada dengan tangan, dengan alat, dengan elektrik atau dengan menggunakan apa-apa serbuk atau larutan atau dengan apa-apa kombinasi cara-cara itu;

"kedai gunting rambut" termasuk sesuatu kedai pendandan rambut dan tiap-tiap salun dan semua premis yang di dalam atau di atasnya urusan dandanan rambut dijalankan;

"larutan disinfektan" ertinya larutan apa-apa disinfektan yang sama kekuatan racun kumannya dengan 5 peratus larutan asid karbolik atau bahan kimia lain yang digunakan untuk disinfektan;

"pemegang lesen" ertinya seseorang yang diberi lesen di bawah Undang-undang Kecil ini;

"pendandan rambut" termasuk seorang penggunting rambut dan (semasa orang itu menjalankan kerja berkaitan dengan dandanan rambut dalam kedai gunting rambut) seorang pekerja pendandan rambut;

"Yang Dipertua" ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Simpang Renggam dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

**Dasar, Pekeliling, dsb.**

3. Dasar-dasar, Pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Yang Dipertua atau pelbagai Kementerian atau Jabatan atau Agensi Kerajaan lain yang mana difikirkan patut, sesuai dan dipersetujui oleh Yang Dipertua hendaklah diterima pakai bersama-sama Undang-undang Kecil ini dari semasa ke semasa.

**Lesen, fi dan pemeriksaan**

4. (1) Tidak suatu pun premis boleh digunakan sebagai kedai gunting rambut melainkan jika premis itu dilesen oleh Majlis.

(2) Sesuatu lesen, melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih awal, adalah sah sehingga 31hb. Disember berikutan dari tarikh bermulanya lesen itu, tetapi boleh dibaharui pada atau sebelum 31hb. Disember tiap-tiap tahun.

(3) Tiap-tiap orang yang berkehendakkan lesen atau pembaharuan lesen hendaklah membuat permohonan bertulis kepada Yang Dipertua.

(4) Fi yang kena dibayar bagi suatu lesen hendaklah menurut kadar berikut:

BIL	BIL KERUSI	KEDAI TIDAK BERHAWA DINGIN		KEDAI BERHAWA DINGIN	
		Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum
		Setahun (RM)		Setahun (RM)	
(a)	7 kerusi ke bawah	100.00	500.00	120.00	600.00
(b)	8 hingga 15 kerusi	200.00	600.00	250.00	700.00
(c)	16 hingga 20 kerusi	250.00	700.00	300.00	800.00
(d)	Lebih daripada 20 kerusi	300.00	800.00	350.00	1000.00

(5) Yang Dipertua hendaklah menyimpan suatu daftar semua permohonan untuk mendapat lesen atau membaharui lesen.

(6) Dalam masa sesuatu lesen itu hidup Yang Dipertua boleh, atas permohonan pemegang lesen itu, membenarkan supaya lesen itu dipindah milik kepada seorang lain.

(7) Tiap-tiap pendandan rambut yang menjalankan perniagaan atau urusan pendandan rambut atau menjaga atau diambil bekerja di premis di mana urusan itu dijalankan hendaklah membenarkan Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya olehnya memasuki premis itu pada bila-bila masa yang munasabah tanpa notis dan memeriksa premis itu dan tiap-tiap bahagiannya dan tidak boleh menghalang atau membenarkan orang itu dihalang daripada membuat pemeriksaan itu.

(8) (1) Yang Dipertua boleh, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen, menyuruh pemohon memberi jaminan, dengan membayar deposit tunai untuk menentukan bahawa peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini dan syarat-syarat lesen itu dipatuhi sepatutnya.

(2) Deposit itu bolehlah berupa atau bersandarkan sejumlah wang tidak melebihi seribu ringgit.

(3) Apa-apa wang yang dideposit yang diikat di bawah Undang-undang Kecil ini boleh dirampas keseluruhannya atau sebahagiannya oleh Yang Dipertua kerana melanggar Undang-undang Kecil ini atau syarat-syarat lesen atau apabila lesen dibatalkan.

(9) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa membatalkan sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini jika ia berpuas hati -

- (1) Bahawa telah berlaku sesuatu yang melanggar Undang-undang Kecil ini atau syarat-syarat lesen itu; atau
- (2) Bahawa akibat daripada perjalanan kedai gunting rambut dan pendandan rambut yang baginya lesen itu telah dikeluarkan telah berbangkit kacau-ganggu, bencana atau kemarahan di kalangan penduduk-penduduk di sekitar kedai gunting rambut dan pendandan rambut; atau
- (3) Pemegang lesen menjalankan aktiviti selain daripada pendandan rambut dan menggunting rambut.

#### **Keluaran lesen pendua**

5. Sesuatu lesen pendua boleh dikeluarkan dengan fi sebanyak dua puluh ringgit jika lesen asal telah kehilangan.

#### **Fi carian**

6. Fi carian bagi mana-mana lesen adalah sepuluh ringgit dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

#### **Kebersihan premis dan perkakas**

7. (1) Premis tiap-tiap kedai gunting rambut, perkakas, perabot dan alatnya hendaklah pada setiap masa disenggara dalam keadaan baik dan berada dalam keadaan yang sungguh bersih.

(2) Pendandan rambut hendaklah menyediakan tempat duduk menggunting rambut yang sesuai yang menjamin keselamatan bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun.

### **Bekalan air panas dan sejuk**

8. Bekalan air panas dan sejuk yang cukup hendaklah diadakan terus-menerus di tiap-tiap kedai gunting rambut semasa dibuka untuk urusan.

### **Bekas bagi tuala kotor dan buangan tred**

9. (1) Tiap-tiap kedai gunting rambut hendaklah mengadakan sekurang-kurangnya dua bekas yang sesuai yang bertudung rapat, yang ke dalam satu daripadanya hendaklah dimasukkan semua tuala kotor dan kain-kain kotor lain selepas sahaja digunakan dan ke dalam yang satu lagi hendaklah dimasukkan lain-lain buangan tred dengan seberapa segera yang praktik selepas melayan seseorang pelanggan.

(2) Keratan rambut hendaklah dibersihkan dengan pembersih hampagas setiap kali setelah selesai guntingan.

### **Kehendak kebersihan yang mesti dipatuhi oleh pendandan rambut**

10. (1) Sebelum melayan seseorang pelanggan, tiap-tiap pendandan rambut hendaklah mencuci tangannya dengan sepenuhnya, dengan menggunakan sabun dan air bersih, dan bila perlu menggunakan berus kuku.

(2) Semasa melayan seseorang pelanggan, tiap-tiap pendandan rambut hendaklah memakai kot atau 'overall' yang bersih dan padan warna putih atau warna lembut diperbuat dari kain yang boleh dibasuh.

(3) Tiap-tiap pendandan rambut hendaklah menjalani pemeriksaan doktor setahun sekali.

### **Tuala muka dan fabrik-fabrik lain**

11. (1) Tuala muka, pelindung leher, tuala leher dan fabrik-fabrik lain yang secara langsung menyentuh kulit seseorang pelanggan yang diuntukkan bagi pelanggan itu hendaklah baru dan bersih.

(2) Tuala muka hendaklah direndam dalam air mendidih atau diwap selama sekurang-kurangnya 5 minit dan kemudian dibasuh sebelum digunakan pada tiap-tiap pelanggan.

### **Cukuran**

12. (1) Apa-apa sabun selain daripada 'soft soap' atau sabun cecair atau krim cukuran atau sebuk cukuran tidak boleh digunakan bagi maksud membuat buih bagi mana-mana pelanggan yang menghendaki cukuran.

(2) Pisau cukur pakai buang yang baru hendaklah digunakan bagi setiap pelanggan. Tiada pisau cukur pakai buang yang telah digunakan boleh digunakan bagi mana-mana pelanggan lain.

### **Cawan cukuran**

13. Cawan yang digunakan untuk mengisi air bagi membuat buih untuk cukuran hendaklah dikosongkan selepas sahaja digunakan bagi tiap-tiap pelanggan dan dicuci sepenuhnya dengan air mendidih.

### **Span tidak boleh digunakan**

14. Span atau paf bedak tidak boleh digunakan ke atas pelanggan.

### **Memberhentikan keluar darah**

15. (1) Keluar darah hendaklah diberhentikan hanya dengan suatu 'styptic' yang sesuai yang hendaklah digunakan ke atas seseorang pelanggan sahaja dan hendaklah selepas sahaja digunakan dimasukkan dalam bekas yang disediakan untuk buangan tred.

(2) Pemegang lesen hendaklah menyediakan peti pertolongan cemas yang lengkap dan berada di tempat yang mudah dicapai semasa kecemasan.

### **Penyakit-penyakit berjangkit atau menular**

16. (1) Mana-mana orang yang menghidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular, atau apa-apa ruam atau letusan atau letusan berjangkit atau menular di muka, leher, atau kulit kepala, hendaklah memberi tahu pendandan rambut tentang adanya penyakit, ruam, atau letusan itu sebelum ia membiarkan kerja mendandan rambut dijalankan ke atas dirinya.

(2) Pemegang lesen dan pendandan rambut hendaklah memberitahu atau mengemukakan pertanyaan kepada mana-mana pelanggan dan meletakkan atau mempamerkan notis bertulis di hadapan setiap kerusi bagi pelanggan sama ada berbingkai atau tidak berkenaan perenggan (1) Undang-undang Kecil 16.

(3) Tiap-tiap pendandan rambut, apabila diberitahu sedemikian atau apabila mendapat tahu secara lain bahawa seseorang itu menghidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular atau ruam atau letusan berjangkit atau menular hendaklah, semasa melayan orang itu, menggunakan alat-alat berasingan yang diasingkan untuk digunakan khas bagi orang-orang itu. Alat-alat itu hendaklah selepas sahaja digunakan direndam dalam suatu larutan disinfektan selama sekurang-kurangnya lima minit. Semua tuala, kain, atau fabrik lain yang digunakan ke atas orang itu atau kot atau 'overall' yang dipakai oleh pendandan rambut itu hendaklah selepas sahaja digunakan dimasukkan dalam suatu larutan disinfektan atau dalam air mendidih selama sekurang-kurangnya sepuluh minit.

(4) Seseorang yang mengidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular atau apa-apa ruam atau letusan kulit berjangkit atau menular atau jangkitan Human Immunodeficiency Virus (HIV) atau penyakit kelamin atau mana-mana penyakit kronik pada pendapat Majlis tidak boleh bertindak atau bekerja sebagai seorang pendandan rambut.



### **Membasmikan kuman dari alat-alat**

17. (1) Tiap-tiap pendandan rambut hendaklah menyebabkan supaya kelengkapan bagi kegunaan am yang tersebut di bawah ini dibasmikan kuman mengikut cara yang ditetapkan atau dengan cara pembasmian kuman melalui diangan lampu ultraungu yang diluluskan oleh Yang Dipertua:

- (a) Gunting rambut dan sikat - rendamkan selama sekurang-kurangnya tiga minit dalam larutan disinfektan.
- (b) Perepang (clipper) - mula-mula berus sepenuhnya gigi-gigi dengan suatu berus yang bersih dari kuman untuk membuang semua rambut dan kemudian lap gigi-gigi itu dengan sekeping kain yang telah dicelup dalam larutan disinfektan.
- (c) Berus rambut - rendamkan bahagian bulu atau bulu keras selama sekurang-kurangnya tiga minit dalam larutan disinfektan yang sesuai dan kemudian keringkan berus itu dalam ruang udara panas.
- (d) Berus cukur - apabila suatu berus baru akan mula digunakan, rendamkan bahagian bulu keras dalam larutan formalin 10 peratus selama sekurang-kurangnya tiga puluh minit dan selepas itu bilas dalam air bersih. Apabila hendak digunakan lagi kemudiannya, rendamkan bahagian bulu atau bulu keras dalam air mendidih selama sekurang-kurangnya tiga minit jika bulu keras itu dibuat daripada apa-apa bahan sintetik memadai membasuhnya dengan sabun dan air.
- (e) Pisau cukur hendaklah diganti dengan nisbah satu mata pisau untuk satu orang pelanggan bagi mengelakkan penyakit berjangkit.

(2) Semua kelengkapan yang tersebut dalam perenggan (1) hendaklah dibersihkan kuman mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan itu sebelum digunakan tiap-tiap hari dan selepas sahaja digunakan ke atas tiap-tiap pelanggan.

### **Dinding dan sekatan**

18. (1) Dinding hadapan premis kedai gunting rambut dan pendandan rambut hendaklah dibina dari cermin yang boleh dilihat dari luar.

(2) Tidak ada apa-apa bilik atau sekatan boleh dibuat di dalam premis kedai gunting rambut kecuali dengan kebenaran Yang Dipertua.

(3) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh meroboh dan memindahkan apa-apa binaan atau pengubahsuaian atau apa-apa tambahan yang telah dibina di dalam premis kedai gunting rambut tanpa kebenaran.

### **Meludah**

19. Tiada seorang pun boleh meludah ke lantai atau dinding kedai gunting rambut

### **Larangan binatang**

20. Tiada seorang pun pendandan rambut boleh menyebabkan atau membenarkan apa-apa binatang masuk atau tinggal dalam kedai gunting rambut.

### **Larangan makanan atau minuman**

21. Tiada makanan atau minuman boleh dihidangkan kepada pelanggan-pelanggan dalam kedai gunting rambut.

### **Larangan bahan lucah dan berkelakuan tidak sopan**

22. (1) Bahan-bahan terbitan yang disediakan untuk bacaan pelanggan berunsur lucah dan tidak sopan adalah dilarang.

(2) Pemandan rambut dan mana-mana orang yang berada di dalam kedai gunting rambut hendaklah berkelakuan dan berpakaian sopan.

**Salinan Undang-undang Kecil hendaklah dipamerkan dalam kedai gunting rambut**

23. Satu salinan Undang-undang Kecil ini, yang diletakkan dalam bingkai yang sesuai, hendaklah pada setiap masa dipamerkan dengan cara yang mudah dilihat dalam tiap-tiap kedai gunting rambut dan hendaklah sentiasa dijaga dalam keadaan bersih, boleh dilihat dan boleh dibaca oleh pemegang lesen, pengurus atau orang yang menjaga.

**Penalti**

24. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

**Pemansuhan**

25. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) apabila Undang-undang Kecil ini mula berkuat kuasa, Undang-Undang Kecil Kedai Gunting dan Pemandan Rambut (Majlis Daerah Kluang Selatan) 1989 yang telah diwartakan melalui J. P.U 28 tahun 1990 (selepas ini disebut Undang-undang Kecil Termansuh) hendaklah terhenti berkuat kuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan.

(2) Walauapapun perenggan (1) --

- (a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-undang Kecil ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah undang-undang kecil termansuh bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-undang Kecil Termansuh sebelum mula berkuat kuasanya Undang-undang Kecil ini;

- (b) apa-apa prosiding di bawah Undang-undang Kecil Termansuh dan mahkamah belum memutuskan keputusannya sebelum mula berkuat kuasa Undang-undang Kecil ini hendaklah diterangkan di bawah Undang-undang Kecil Termansuh seolah-olah Undang-undang Kecil ini tidak dibuat;
- (c) apa-apa lesen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil Termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa sehingga tamat tempoh baginya ia telah diberikan tetapi ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini dan mana-mana peraturan dan boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Undang-undang Kecil ini; dan
- (d) apa-apa perlantikan atau penguatkuasaan yang dibuat di bawah Undang-undang Kecil Termansuh hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat di bawah Undang-undang Kecil ini, sehinggalah perlantikan atau penguatkuasaan itu dibatalkan atau disatukan di bawah Undang-undang Kecil ini.

Bertarikh pada :

[ MDSR/UNDG/01(A)(XLII)2013.Jld.1 ]

**HAJI ABDUL KARIM BIN ABU BAKAR**

*Yang Dipertua*

*Majlis Daerah Simpang Renggam*

Disahkan pada:

[K.T. 24/69 Jld. 9 (20); PUNJ. BIL. (PU2) 7 Jld 3 (52)]

**SHUBANAH BINTI YUSUF**

*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor*